

# UCAPAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA SEMPENA PELANCARAN PROGRAM KESEDIAAN SEKOLAH MENGHADAPI BENCANA ALAM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Yang saya hormati Mrs. Gaye Philips  
Wakil Tetap UNICEF Malaysia

Yang Berusaha Puan Hjh Noor Rezan Bapoo Hashim  
Pengarah Bahagian Sekolah

Yang Berusaha Dr. Zahri Aziz  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Yang saya hormati Tuan Hj. Abu Bakar Yahaya  
Timbalan Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Kedah,

Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan, puan-puan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri, Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua-pengetua dan guru besar, Para Guru peserta bengkel seterusnya hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

## **Kata Alu-aluan**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang sudi menjemput saya ke majlis Pelancaran "Program Kesediaan Sekolah Menghadapi Bencana Alam".
2. Bagi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak UNICEF Malaysia kerana atas daya usaha UNICEF serta pihak Kementerian Pelajaran kita dapat berkumpul di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kuala Muda, pada pagi ini bagi menjayakan Program tersebut. Kerjasama seperti ini amat dialu-alukan dan diharapkan akan sentiasa diteruskan pada masa depan terutama dalam membantu warga sekolah dan masyarakat keseluruhannya untuk menyediakan diri menghadapi bencana alam yang tidak dijangkakan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

### **Kejadian Tsunami**

3. Tiada siapa yang boleh menduga pada 26 Disember 2004 lalu berlaku satu kejadian yang sangat dahsyat dalam sejarah manusia moden. Gempa bumi yang berlaku di dasar lautan Hindi telah menyebabkan ombak yang sangat besar atau Tsunami yang melanda Asia Tenggara khususnya Indonesia, Thailand, Malaysia, India dan Sri Lanka malah telah sampai ke benua Afrika dan menyebabkan gegaran hingga ke Alaska.
4. Gelombang Tsunami melonjak setinggi sehingga 100 kaki akibat daripada gempa bumi yang dikatakan kedua tertinggi dalam sejarah manusia iaitu 9.3 pada sekala Richter,. Tsunami mengakibatkan 230 ribu orang mati, termasuk 43 ribu orang yang masih hilang. 1.1 juta lagi penduduk hilang tempat tinggal. Di negara kita, tsunami mengakibatkan kehilangan 68 nyawa, berlakunya kerosakan harta benda, tempat kediaman dan penempatan serta hilang punca pendapatan. Malahan sekolah tempat kita berkumpul pada pagi ini merupakan salah sebuah sekolah yang turut terlibat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

5. Walaupun dikatakan kesan Tsunami kepada alam sekitar akan mengambil masa berabad-abad untuk dipulihkan tetapi mangsa Tsunami terpaksa kembali kepada kehidupan asal, dan cuba melupakan apa yang berlaku. 20 bulan selepas tsunami berlaku, kini, sudah ada yang memiliki ahli keluarga baru, mendirikan rumah baru dan memulakan kehidupan baru. Kita amat bersimpati dengan mereka.

### **Bantuan KPM kepada Mangsa Tsunami**

5. Permulaan Sekolah Tahun Baru 2005 lalu mencatat kisah sedih kepada negara kita terutama kepada mangsa Tsunami di negeri Kedah dan Pulau Pinang. Bagi membantu mangsa Tsunami, KPM telah memperuntukkan sejumlah wang bagi membantu persiapan seramai 2,086 orang pelajar sekolah di Pulau Pinang dan Kedah yang terjejas akibat *Tsunami*. Sebahagian daripada jumlah itu, telah disalurkan terus kepada akaun sekolah bagi membeli semula pakaian seragam. Manakala sebahagian lagi adalah dalam bentuk pengecualian yuran sekolah ke atas pelajar-pelajar terbabit termasuk bantuan pinjaman buku teks yang akan diberi sebagai ganti kepada buku teks yang rosak ataupun yang dihanyutkan ombak.

6. Bagi membantu sekolah-sekolah kita yang rosak dan terjejas, akibat *Tsunami*, KPM telah memperuntukkan sejumlah wang bagi tujuan baik pulih dan pembersihan. Selain bantuan berbentuk fizikal, pihak sekolah sebagai wakil KPM, ada juga melakukan pelbagai program bagi membantu pelajar-pelajar yang menjadi mangsa banjir seperti sokongan moral, nasihat dan kaunseling.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

### **Mengapa Perlunya Persediaan Menghadapi Bencana**

7. Bencana alam seperti gempa bumi, banjir, ribut dan taufan, kejadian tanah runtuh dan jerebu mungkin tidak dapat dielakkan. Inilah sunnah alam ciptaan Allah. Tetapi kejadian Tsunami lalu menyedarkan kita dan memberikan pengajaran yang terbaik bahawa kita perlu bersedia untuk menghadapi bencana. Kita tiba-tiba terkejut dan terpinga-pinga dengan apa yang berlaku kerana biasa melihat di media tentang pelbagai bencana yang berlaku di tempat lain atau di negara lain dan berasa yakin bahawa negara kita selamat dari bencana besar seperti Tsunami atau gempa bumi.
8. Manusia tidak dapat menahan kematian tetapi sebenarnya manusia boleh mengurangkan kesan bencana alam melalui ilmu pengetahuan, pengurusan bencana dan persediaan yang sesuai sebelum menghadapi bencana. Dengan persediaan, harta benda dan nyawa dapat diselamatkan. Dengan ilmu pengetahuan tentang fenomena cuaca kesan banjir dapat dikurangkan. Kita mesti tahu sekurang-kurangnya apa perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas bencana menimpa.
9. Saya suka mengambil contoh bagaimana seorang murid perempuan warga Britain yang berusia 10 tahun telah memberitahu ibunya tentang tanda-tanda awal Tsunami melalui kelas Geografi yang dipelajarinya semasa bercuti di Thailand. Mereka telah memberikan amaran kepada orang ramai yang berada di pantai supaya lari ke tempat yang lebih tinggi. Begitu juga dengan John Chroston seorang guru Biologi dari Scotland telah dapat mengenal tanda awal Tsunami di Kamala Bay, Phuket Utara. Dengan bantuan beliau sebuah bas yang sarat dengan penumpang telah dibawa ke tempat yang lebih tinggi. Oleh itu, sekurang-kurangnya dengan ilmu pengetahuan, kemalangan dapat dikurangkan sebelum ia berlaku.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati

### **Program KPM-UNICEF pada masa ini dan kepentingannya**

10. Di negara kita Kesediaan Menghadapi Bencana (*Emergency Preparedness*) masih belum bergerak aktif terutama di peringkat sekolah dan Kementerian Pelajaran secara amnya. Menyedari hakikat ini, KPM bersama UNICEF mengambil daya usaha untuk memberikan

kesedaran, ilmu pengetahuan dan seterusnya melaksanakan program-program yang dapat menyediakan orang ramai terutamanya para pelajar sekolah dengan persediaan bagi menghadapi bencana. Saya percaya kanak-kanak perlu didedahkan dengan Persediaan Menghadapi Bencana sejak dari sekolah rendah lagi.

11. Tidak ramai yang tahu apakah langkah pertama yang perlu dilakukan apabila pulang ke rumah yang dilanda banjir? (Jawapan: Menutup suis elektrik). Apakah yang patut dilakukan kepada dokumen-dokumen penting seperti Sijil Lahir atau Sijil Peperiksaan semasa banjir? (Jawapan: Membalutnya dalam bungkusan plastik). Maklumat dan panduan sebegini adalah sangat penting, walaupun nampaknya seperti remeh-temeh tetapi sangat perlu untuk menghadapi kemalangan kerana Malang Tidak Berbau.

## Penutup

12. Negeri Kedah mungkin tidak bertuah kerana mengalami Tsunami tetapi bertuah kerana telah terpilih sebagai negeri pertama untuk menjayakan program Persediaan Menghadapi Bencana. Dengan pengalaman, kerjasama dan bantuan daripada pihak sekolah, para guru dan Jabatan Pelajaran Negeri Kedah, terutama kepada mereka yang mengalaminya (*first hand experience*) akan dapat membantu membangunkan satu program yang sesuai bagi digunakan untuk semua murid, guru dan sekolah. KPM bercadang untuk mengembangkan program seperti ini kepada semua sekolah di seluruh negara. Bantulah pihak KPM dan UNICEF dengan pengalaman yang ada itu, untuk dimanfaatkan oleh warga Malaysia yang lain. Semoga program ini akan memberikan manfaat kepada semua. InsyAllah
13. Saya dengan sukacitanya melafazkan **Bismillah ir rahman ir rahim** dan melancarkan Program Kesediaan Sekolah Menghadapi Bencana Alam.

Sekian.

Wabillah hi taufik wal hidayah. Assalamualaikum warah matullah hi waba rakatuh.